

Kedah mahu tubuh sebuah lagi perpustakaan

UM - 6 MAY 2005

ALOR STAR 5 Mei — Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah (PPANK) bercadang menu-
buhkan satu lagi perpustakaan bagi mengumpul
pelbagai khazanah dan koleksi peribadi bekas
Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Ahli Lembaga Pengarah PPANK, Prof. Tan Sri
Ismail Hussein berkata, projek membangunkan
perpustakaan itu merupakan antara usaha pi-

haknya mengenang dan memperingati segala ja-
sa dan pengorbanan Dr. Mahathir terhadap ta-
madun Melayu, Islam dan kemajuan negara.

Katanya, perpustakaan itu boleh dijadikan ge-
dung ilmu dan rujukan terbaik kepada semua
masyarakat dan peringkat umur kerana ia akan
memberi sumber inspirasi dan semangat baru
kepada generasi muda.

“Jika ada cadangan untuk membangunkan tu-
gu peringatan bagi mengenang jasa Dr. Maha-
thir, saya rasa lebih baik kita bangunkan perpus-
takaan yang akan dapat dimanfaatkan oleh se-
mula generasi,” katanya kepada *Utusan Malaysia*
di sini hari ini.

Beliau berkata, lokasi dan tapak cadangan
membangunkan perpustakaan itu telah dikenal

khazanah Dr. Mahathir

pasti dan ia sedang menunggu kelulusan daripa-
da kerajaan negeri.

“Cadangan ini telah dikemukakan sejak tahun
lalu dan kita berharap ia akan menjadi kenyaa-
taan,” jelasnya.

Ismail berkata, perpustakaan itu juga akan
melengkapkan lagi pengetahuan orang ramai
terhadap sejarah Dr. Mahathir di samping ba-

han-bahan yang dipamerkan di Rumah Kelahi-
ran Dr. Mahathir di Seberang Perak, di sini.

Beliau memberitahu, perpustakaan seumpaa-
ma itu telah lama dibangunkan di luar negara
untuk mengenang jasa bekas pemimpin negara
masing-masing dan ia juga berjaya menarik per-
hatian pelancong melawat ke tempat bersejarah
itu.